+

LAPORAN TAHUNAN JABATAN PERBENDAHARAAN TAHUN 2021

1.0 PENGENALAN

1.1 Jabatan Perbendaharaan mempunyai enam unit iaitu Unit Akaun, Unit Hasil, Unit Gaji, Unit Bayaran, Unit Perolehan , serta Unit Sewaan. Jabatan ini diketuai oleh seorang Penolong Akauntan Gred W32 (KUP) dengan dibantu oleh (1) orang Penolong Akauntan Gred W29. Jabatan ini mempunyai (1) orang Pembantu Tadbir Kewangan Gred W22 (KUP), (2) orang Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19, dan (2) orang Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19. Kedudukan pegawai adalah seperti di carta organisasi.

2.0 OBJEKTIF JABATAN

2.1 Meningkatkan kualiti pengurusan kewangan dan perakaunan dengan mengamalkan prosedur kewangan dan dasar perakaunan yang standard.

2.2 Meminimumkan kesilapan dengan mengadakan semakan terhadap pematuhan kepada prosedur kewangan dan dasar perakaunan yang standard.

2.3 Memaksimumkan keupayaan dengan sentiasa berusaha memperbaiki dan meningkatkan teknologi sistem maklumat sebagai satu sistem sokongan yang berkesan.

3.0 FUNGSI ORGANISASI



4.0 VISI JABATAN PERBENDAHARAAN

4.1 Untuk mencapai kecemerlangan sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan ekonomi Pihak Berkuasa Tempatan.

5.0 MISI JABATAN PEBENDAHARAAN

5.1 Memastikan majlis berada pada tahap kedudukan kewangan yang teguh dan stabil bagi melicinkan pengurusan pentadbiran dan pelaksanaan pembangunan dengan cekap dan berkesan.

6.0 PIAGAM PELANGGAN

6.1 Laporan perbelanjaan dan hasil bulanan akan disediakan sebelum 10hb pada tiap-tiap bulan dan dibentangkan dalam persidangan Mesyuarat Penuh

6.2 Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan secara tepat dan jitu sebelum 30hb April setiap tahun.

6.3 Perkhidmatan kaunter adalah mesra pelanggan dan semua urusan diselesaikan dalam masa 3 minit.

6.4 Proses bayaran akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah dokumen lengkap diterima oleh Jabatan Perbendaharaan.

6.5 Penyata Penyesuaian Bank akan disediakan sebelum 10hb pada tiap-tiap bulan.

6.6 Pembayaran gaji kakitangan tetap dan kontrak dibuat pada / sebelum 25hb setiap bulan manakala kakitangan sambilan pada minggu pertama bulan berikutnya.

6.7 Menyediakan Belanjawan Tahunan berimbang setiap tahun sebelum Julai.

6.8 Memastikan perbelanjaan dibuat mengikut belanjawan yang diluluskan oleh Majls Mesyuarat Kerajaan Negeri.

7.0 JUMLAH PERJAWATAN DAN KAKITANGAN TAHUN 2015

BIL.	JAWATAN / NAMA	GRED/ BILANGAN KAKITANGAN (SEDIA ADA)
1.	Penolong Akauntan (Norhayati bt Jaafar)	W 32(KUP) / 1
2.	Penolong Akauntan (Zulkhairy b. Khalid)	W29 / 1
3.	Pembantu Tadbir Kewangan –Gaji (Zainab bt. Majid) -Hasil (Zuriena bt Hamzah) -Bayaran (Surtinah bt Mohd Khairi)	W22(KUP) / 1 W19 /1 W19/1
4.	Pembantu Tadbir - Perolehan (Nazatul Shima bt Mohamad) Sewaan Gerai(Nor Suriati bt Zainal Abidin)	N19/ 1 N19/1
	JUMLAH KESELURUHAN	**8**

8.0 CARTA ORGANISASI JABATAN PERBENDAHARAAN



9.0 AKTIVITI & PRESTASI TAHUN 2021

9.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

9.1.1 Jabatan Perbendaharaan telah menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun Bil. 1/2021	21 Mei 2021
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun Bil. 2/2021	04 Ogos 2021
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun Bil. 3/2021	28 Oktober 2021
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun Bil. 4/2021	23 Februari 2022

9.2 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara-perkara Am

9.2.1 Jabatan Perbendaharaan juga telah menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara-perkara Am. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti berikut:-

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Penilaian Bil. 1/2021	01 Sept. 2021
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Penilaian Bil. 2/2021	29 Nov. 2021

9.3 Audit Penyata Kewangan

- Auditan telah dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi Penyata Kewangan Tahun 2020 pada Mei 2021
- Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Sijil Bersih bagi Penyata Kewangan 2020 pada 15 September 2021

9.4 Belanjawan Majlis Daerah Maran tahun 2021

- Telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang pada 02 Disember 2020 seperti berikut :-

  1) Hasil - RM 10,398,242.00

  2) Belanja Mengurus - RM 10,961,768.00

  3) Belanja Pembangunan - RM 5,000.00

Carta Perbandingan Antara Anggaran Tahunan Dengan Hasil & Belanja Sebenar Tahun 2021



Pecahan Hasil Berakhir
31hb Disember 2021



Pecahan Perbelanjaan Mengurus berakhir 31hb Disember 2021